



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***HUBUNGAN KESEDARAN IBU BAPA TERHADAP KANDUNGAN  
RANCANGAN TELEVISYEN DAN KESANNYA KEPADA  
PEMBENTUKAN TINGKAH LAKU KEGANASAN KANAK-KANAK***

**NOR HAFIS BIN ZAKARIA**

**FBMK 2017 82**



**HUBUNGAN KESEDARAN IBU BAPA TERHADAP KANDUNGAN  
RANCANGAN TELEVISYEN DAN KESANNYA KEPADA  
PEMBENTUKAN TINGKAH LAKU KEGANASAN KANAK-KANAK**



**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,  
Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah  
Master Sains**

**November 2017**

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**HUBUNGAN KESEDARAN IBU BAPA TERHADAP KANDUNGAN  
RANCANGAN TELEVISYEN DAN KESANNYA KEPADA  
PEMBENTUKAN TINGKAH LAKU KEGANASAN KANAK-KANAK**

Oleh

**NOR HAFIS BIN ZAKARIA**

**November 2017**

**Pengerusi : Mohd Nizam Osman, PhD**  
**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Televisyen merupakan salah satu media massa yang cukup popular sejak dari awal zaman kemunculannya. Kemajuan era teknologi pada hari ini turut menyumbang kepada industri penyiaran televisyen negara. Kini televisyen bukan sahaja dijadikan sebagai alat untuk mendapatkan hiburan semata-mata, malahan ia juga membawa mesej sosial yang terkandung dalam rancangan televisyen yang disiarkan. Kemunculan pelbagai bentuk rancangan televisyen telah berjaya menarik minat dan perhatian masyarakat termasuklah kanak-kanak. Kesan daripada sambutan yang cukup menggalakkan ini juga telah membuatkan penggiat industri turut berlumba-lumba menerbitkan pelbagai jenis "genre" rancangan untuk menarik minat penonton tanpa memikirkan kesan baik atau buruk yang bakal diterima oleh ahli masyarakat. Penyelidikan ini mempunyai lima objektif utama yang telah diketengahkan iaitu mengkaji tahap kesedaran ibu bapa dan penjaga terhadap isi kandungan rancangan televisyen yang ditonton oleh kanak-kanak, faktor pembentukan tingkah laku keganasan kanak-kanak, kesan pembentukan tingkah laku kegasan kanak-kanak, hubungan tahap kesedaran ibu bapa dan penjaga terhadap kesan tingkah laku keganasan kanak-kanak dan yang terakhir sekali ialah hubungan di antara faktor pembentukan tingkah laku keganasan kanak-kanak dan kesan pembentukan keganasan kanak-kanak. Hasil dapatan penyelidikan ini menunjukkan responden memiliki tahap kesedaran yang tinggi terhadap isi kandungan rancangan televisyen yang dipertontonkan kepada kanak-kanak. Kaedah pengumpulan data bagi penyelidikan ini pula menggunakan kuantitatif secara tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik yang telah diedarkan kepada 300 orang responden. Responden yang terpilih pula adalah melalui persampelan bertujuan yang terdiri daripada ibu bapa dan penjaga di kalangan kakitangan KPWKM, Putrajaya dan JKM Kuala

Lumpur. Borang soal selidik yang mengandungi data responden telah dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 22. Prosedur yang terlibat dalam menganalisis data ialah statistik deskriptif yang melibatkan kekerapan, peratus,min dan sisihan piawai. Selain itu juga sela kelas bagi menguji tahap kesedaran ibu bapa dan penjaga juga turut dikaji. Disamping itu, ujian kolerasi juga turut dibuat bagi menguji perhubungan di antara pembolehubah utama dalam penyelidikan ini. Hasil dapatan menunjukkan terdapat hubungan positif yang sangat lemah antara tahap kesedaran ibu bapa dan penjaga terhadap isi kandungan rancangan dan kesan pembentukkan tingkah laku keganasan kanak-kanak. Bagaimanapun hubungan ini adalah signifikan dan menunjukkan apabila bertambah tahap kesedaran ibu bapa dan penjaga terhadap isi kandungan rancangan televisyen maka kesan pembentukkan tingkah laku keganasan akan berlaku.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

**THE RELATIONSHIP BETWEEN TELEVISION PROGRAM EXPOSURE  
AND IT'S IMPLICATION ON THE FORMATION OF VIOLENT  
BEHAVIOUR AMONG CHILDREN**

By

**NOR HAFIS BIN ZAKARIA**

**November 2017**

**Chairman : Mohd Nizam Osman, PhD**  
**Faculty : Modern Languages and Communication**

Television has become one of the most popular forms of mass media since its invention. The advancement of the technology era today has also contribute towards national television broadcast industry. Nowadays, television is not only as a medium for entertainment, but it is also play a role in spreading social messages embedded within broadcast television programs. The emergence of various forms of television program has successfully attracted the attention and interest of all walks of life including children. The implication of this encouraging responses caused a rivalry between those who involved in broadcasting industry by publishing various genre television program to attract audiences interest without thinking of it's bad and good effects that may impact the society. This research have five main objectives which have been highlighted, such as to recognise the level of awareness in parents and guardians on the content of the television shows for children, factors influence the formation of violent behaviour among children, the implication of violent behaviour formation among children, the relationship between parents and guardian's level of awareness with the implication of violent behaviour formation among children and the relationship between the factor of the violent behaviour formation among children. Data collection method for this research is quantitative survey using questionnaires which were distributed to 300 respondents. Respondents are comprised of staff from KPWKM, Putrajaya and JKM Kuala Lumpur. Questionnaire with respondent's data have been analysed with Statistical Package for Social Science (SPSS) version 22 software. The procedures involved in data analysis such as descriptive statistic that involved with frequency, percentage, min and standard deviation (SD). The results of finding show that there is a very weak positive relation between parents and guardian's awareness of the

program's contents with the implication of violent behavioural formation in children. However, there is significant relation and it shows if the level of parental and guardian awareness on the content of television programs increases then it will increase the chances of violent behaviour formation. Other than that, interval class required in order to test the parents and guardian's level of awareness. In addition, the test of tolerance was made in order to analyse the relationship between the main variables in this research. The results show that there is a very weak positive correlation between parents and guardian's awareness of the program's contents with the implication of violent behavioural formation in children. However, there is significant relationship and it shows if the level of parental and guardian awareness on the content of television programs increases then it will increase the chances of violent behaviour formation.



## PENGHARGAAN

Seawal bicara ini, saya panjatkan kesyukuran kepada-Nya kerana dengan limpah kurnia-Nya dan izin daripada-Nya dapatlah saya menyiapkan tesis Master Sains bagi memenuhi syarat untuk memperolehi Master Sains Teknologi Komunikasi di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

Sejuta penghargaan dan ucapan terima kasih juga tidak saya lupakan kepada Dr. Mohd Nizam Osman selaku pengurus penyeliaan tesis saya yang banyak membantu, membimbing, menasihati dan memberi tunjuk ajar kepada saya walau berhadapan dengan pelbagai dugaan serta rintangan sepanjang saya menyiapkan tesis ini. Tidak dilupa juga setinggi penghargaan saya panjatkan kepada Profesor Madya Dr. Jusang Bolong selaku ahli jawatankuasa penyeliaan saya serta banyak membantu dalam bidang statistik. Tanpa bantuan kalian berdua sudah pasti saya tidak mampu untuk menyiapkan tesis ini dengan sempurna.

Yang terakhir sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ahli keluarga tercinta serta kedua ibu bapa saya Haji Zakaria bin Haji Abd Rashid dan Hajah Azizah binti Haji Mohd Noor serta adik beradik yang lain. Tidak lupa isteri tersayang Fauziah binti Azmi dan permata hati kami Thalia Zach binti Nor Hafis & Thara Zach binti Nor Hafis dan Taj Zach bin Nor Hafis kerana menjadi pemangkin dan tulang belakang untuk terus berusaha sehingga tesis ini selesai.

Sekian, salam kasih buat semua.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sains. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Mohd Nizam Bin Osman, PhD**

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

**Jusang Bin Bolong, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

---

**ROBIAH BINTI YUNUS, PhD**

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## **Perakuan pelajar siswazah**

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik : Nor Hafis bin Zakaria,GS 24948

## **Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan**

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah selian kami;
- tanggungjawab penyelian sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama Pengerusi  
Jawatankuasa  
Penyeliaan : Dr. Mohd Nizam Bin Osman

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan : Profesor Madya Dr. Jusang Bin Bolong

## ISI KANDUNGAN

	Muka surat
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>PENGESAHAN</b>	vi
<b>PERAKUAN</b>	viii
<b>SENARAI JADUL</b>	xiii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xv
 <b>BAB</b>	
<b>1 PENDAHULUAN</b>	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Penyataan Masalah	3
1.3 Persoalan Kajian	6
1.4 Objektif Kajian	6
1.4.1 Objektif Umum	6
1.4.2 Objektif Khusus	6
1.5 Kepentingan Kajian	7
1.6 Skop Kajian	8
1.7 Limitasi Kajian	8
1.8 Definisi Takrifan	9
1.8.1 Keganasan & Rancangan Televisyen	10
Keganasan	
1.8.2 Pengaruh Televisyen	10
1.8.3 Pembentukan Tingkah Laku	10
Kanak-Kanak	
1.9 Rumusan Bab	11
 <b>2 SOROTAN LITERATUR</b>	12
2.1 Latar Belakang	12
2.1.1 Sejarah Televisyen di Malaysia	12
2.2 Hasil Penyelidikan Lepas	14
2.2.1 Ibu Bapa dan Penjaga Dalam Penontonan Kanak-Kanak	14
2.2.2 Televisyen dan Kanak-Kanak	16
2.2.3 Keganasan Dalam Rancangan Televisyen	21
2.3 Teori Berkaitan	23
2.3.1 Teori Pembelajaran Sosial Albert Bandura	23
2.3.2 Teori Penanaman	25
2.3.3 Teori Pembelajaran Pemerhatian Anderson dan Bushman	26
2.4 Kerangka Konsep Penyelidikan	26
2.5 Hipotesis Penyelidikan	27
2.6 Rumusan Bab	27

<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	28
3.1	Reka Bentuk Kajian	28
3.1.1	Kaedah Kuantitatif	28
3.2	Lokasi Kajian	29
3.3	Populasi dan Persampelan	30
3.4	Instrumen Kajian	31
3.5	Reka Bentuk Instrumen Kajian	34
3.5.1	Pembinaan Instrumen Kajian Bahagian A: Maklumat diri responden	34
3.5.2	Pembinaan Soal Selidik Bahagian B: Hubungan Kesedaran Ibu Bapa / Penjaga Terhadap Isi Kandungan Rancangan Televisyen Yang Ditonton Oleh Kanak-Kanak	34
3.5.3	Pembinaan Soal Selidik Bahagian C: Faktor Pembentukan Tingkah Laku Keganasan Kanak-Kanak	35
3.5.4	Pembinaan Soal Selidik Bahagian D :Kesan Pembentukkan Tingkah Laku Keganasan Kanak-Kanak	35
3.6	Pengukuran Pembolehubah dan Kajian Rintis	36
3.7	Kaedah dan Proses Pengumpulan Data	37
3.8	Analisis Data	38
3.9	Rumusan Bab	38
<b>4</b>	<b>HASIL DAPATAN KAJIAN</b>	40
4.1	Latar belakang responden	40
4.2	Penentuan Sela Kelas	43
4.2.1	Pengiraan Sela Kelas	43
4.3	Hubungan kesedaran ibu bapa / penjaga terhadap isi kandungan rancangan televisyen yang ditonton oleh kanak-kanak	44
4.4	Faktor pembentukan tingkah laku keganasan kanak-kanak	47
4.5	Kesan pembentukan tingkah laku keganasan kanak-kanak	51
4.6	Hubungan Kesedaran Ibu Bapa / Penjaga Terhadap Isi Kandungan Rancangan Televisyen Yang DiTonton Kanak-Kanak dan Kesannya Terhadap Pembentukan Tingkah Laku Keganasan Kanak-Kanak	54
4.7	Hubungan faktor pembentukkan tingkah laku keganasan kanak-kanak dan kesannya terhadap pembentukan tingkah laku keganasan kanak-kanak	55
4.8	Ujian Hipotesis	55
4.9	Rumusan Bab	56
<b>5</b>	<b>RUMUSAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	57
5.1	Ringkasan Hasil Penyelidikan Berdasarkan Objektif Penyelidikan	57
5.2	Kesimpulan Hasil Penyelidikan	58

5.3	Cadangan Penyelidikan Akan Datang	59
5.4	Rumusan Bab	59
<b>RUJUKAN</b>		<b>61</b>
<b>LAMPIRAN</b>		<b>69</b>
<b>BIODATA PELAJAR</b>		<b>74</b>



## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>	<b>Muka surat</b>
1 Struktur Instrumen Penyelidikan	33
2 Analisis Nilai Pekali Alfa Pembolehubah Bebas dan Bergantung	37
3 Taburan Kekerapan dan Peratus Responden Dari Segi Demografi (n = 300)	41
4 Nilai Sela Kelas Tahap Hubungan Ibu Bapa / Penjaga (n=300)	44
5 Hubungan kesedaran ibu bapa / penjaga terhadap isi kandungan rancangan televisyen yang ditonton oleh kanak-kanak.	45
6 Faktor Pembentukan Tingkah Laku Keganasan Kanak-Kanak	48
7 Kesan Isi Kandungan Rancangan Televisyen Ke Atas Pembentukan Tingkah Laku Keganasan Kanak-Kanak	51
8 Ujian Kolerasi Antara Tahap Kesedaran Ibu Bapa / Penjaga Terhadap Isi Kandungan Rancangan Televisyen Yang Ditonton Kanak-Kanak Dengan Kesan Pembentukkan Tingkah Laku Keganasan Kanak-Kanak	54
9 Ujian kolerasi antara faktor pembentukkan tingkah laku keganasan dengan kesan pembentukkan tingkah laku keganasan kanak-kanak	55

## **SENARAI RAJAH**

<b>Rajah</b>	<b>Muka surat</b>
1 Kerangka Konsep Kajian Hubungan Kesedaran Ibu Bapa dan Penjaga Terhadap Isi Kandungan Rancangan Televisyen dan Kesannya Ke Atas Pembentukan Tingkah Laku Keganasan Kanak-Kanak	26
2 Jadual Penentuan Size Sampel Krejcie & Morgan (1970)	31



## **SENARAI SINGKATAN**

RTM	Radio Televisyen Malaysia
STMB	Sistem Televisyen Malaysia Berhad
ASTRO	All Asia Television & Radio Company
BERNAMA	Berita Nasional Malaysia
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
R	Kekuatan Perkaitan
P	Arah Perkaitan
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institut Pengajian Tinggi Swasta
SPSS	<i>Statistical Package for Social Science</i>
SP	Sisihan Piawai

## BAB 1

### PENDAHULUAN

Bab ini akan menerangkan secara lebih terperinci berkaitan dengan tajuk yang dibincangkan iaitu hubungan kesedaran ibu bapa dan penjaga terhadap kandungan rancangan televisyen dan kesannya ke atas pembentukan tingkah laku keganasan kanak-kanak dikalangan ibu bapa dan penjaga yang bekerja di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Putrajaya dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Kuala Lumpur. Seterusnya, ia juga akan menerangkan tentang perkembangan revolusi dan perkembangan televisyen di Malaysia. Turut dibincangkan juga ialah latar belakang kajian, penyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, limitasi kajian, takrifan konsep dan penutup.

#### 1.1 Latar Belakang Kajian

Pembangunan yang dikehendaki oleh Malaysia telah membawa masyarakat pada zaman globalisasi ini untuk menikmati kemajuan teknologi yang dimiliki. Televisyen telah bermula dengan suatu inovasi teknologi dan kemudian berkembang secara perlahan-lahan menjadi suatu fenomena sebagai keperluan kepada kehidupan seharian. Ini adalah kerana, televisyen bukan sahaja merupakan satu alat teknologi yang menyajikan bahan hiburan, malahan juga membawa mesej sosial yang terjalin di dalam isi kandungan rancangan televisyen. Kemunculan pelbagai bentuk rancangan televisyen telah menunjukkan kejayaan dalam menarik minat dan perhatian pelbagai lapisan umur masyarakat.

Oleh sebab itu, penyelidik ingin membuat satu penyelidikan tentang apakah tanggapan serta hubungan kesedaran ibu bapa penjaga terhadap pendedahan isi kandungan rancangan televisyen dan impaknya ke atas pembentukan tingkah laku keganasan kanak-kanak. Isu yang diperkatakan ini adalah berikutan kemunculan beberapa rancangan televisyen yang gemar ditonton oleh kanak-kanak yang mampu memberikan sama ada kesan yang negatif atau positif kepada kanak-kanak.

Dengan penerimaan yang cukup hebat dari kalangan kanak-kanak berserta sokongan daripada ibu bapa, maka tidak hairanlah semua stesen televisyen di Malaysia kini berlumba-lumba dalam mewujudkan pelbagai jenis rancangan televisyen bagi menarik minat masyarakat untuk menonton. Menurut Rose (2001), setiap rancangan yang disiarkan di kaca televisyen telah memberikan pengaruh yang besar kepada penonton. Kanak-kanak yang sentiasa duduk di hadapan televisyen juga akan lebih mudah dipengaruhi oleh isi kandungan yang disiarkan dalam sesebuah rancangan yang disiarkan di kaca televisyen.

Selain itu juga faktor utama yang menarik masyarakat untuk menonton rancangan televisyen yang ditayangkan adalah kerana ia menghidangkan kepelbagaian jenis rancangan untuk segenap lapisan masyarakat tidak mengira umur; dari kanak-kanak hingga ke warga emas. Namun begitu, persoalannya adalah adakah jenis rancangan televisyen yang disajikan dapat memberi manfaat kepada masyarakat yang menonton, terutamanya kanak-kanak? Ini adalah kerana sekiranya kanak-kanak banyak terdedah kepada rancangan yang berunsurkan elemen dewasa, ia secara tidak langsung akan mendewasakan kanak-kanak sebelum dari waktunya. Lebih memburukkan keadaan lagi, sesetengah rancangan televisyen yang disiarkan mengandungi unsur-unsur keganasan yang mampu memberi kesan kepada perkembangan fizikal dan emosi mereka.

Penyelidik tertarik untuk menjalankan penyelidikan ke atas isi kandungan rancangan televisyen dan kesannya terhadap kanak-kanak. Ini kerana pada hari ini, kanak-kanak sering disajikan dengan elemen keganasan melalui beberapa bentuk media di dalam kehidupan seharian mereka. Oleh yang demikian, elemen ini mampu untuk mempengaruhi pembentukan tingkah laku kanak-kanak. Menurut Baran & Davis yang memetik dari sebuah buku berjudul *Communication Yearbook 29* tulisan Kalbfleisch (2005), televisyen boleh diibaratkan sebagai satu “tingkap awal” yang membolehkan kanak-kanak melihat dunia luar sebelum mereka mengharunginya melalui kehidupan seharian.

Tambahan pula pada masa sekarang, mempunyai televisyen lebih dari satu unit bukanlah merupakan suatu perkara yang asing terutamanya bagi masyarakat yang menetap di kawasan bandar-bandar besar. Ruang tamu, bilik tidur dan dapur merupakan antara ruang yang menjadi pilihan untuk diletakkan sebuah televisyen bagi memenuhi keperluan dan kegunaan yang berbeza. Jika dibandingkan dengan medium massa yang lain seperti radio dan internet, televisyen merupakan satu medium yang mudah diakses oleh rakyat Malaysia dari segi untuk mendapatkan liputan dan siaran serta keupayaannya untuk memberikan segala kemudahan yang diingini oleh masyarakat. Kemudahan ini nyata lebih memudahkan proses kanak-kanak untuk dipengaruh dan terpengaruh dengan isi kandungan rancangan televisyen yang mana ia akan mempengaruhi perilaku ganas kanak-kanak secara tidak langsung.

Menurut Fisch (2004), jika kanak-kanak gemar menonton rancangan seperti *Mr Rogers' Neighborhood*, ia dapat memberi kesan yang positif kepada perkembangan kanak-kanak. Sebagai contoh, kanak-kanak akan lebih bekerjasama, berkeinginan untuk mempelajari kemahiran serta lebih melibatkan diri dengan masyarakat sekeliling. Kenyataan ini nyata tidak dapat disangkalkan lagi kerana masyarakat sememangnya banyak belajar dan memperoleh maklumat melalui rancangan televisyen yang ditayangkan kepada mereka. Namun begitu, terdapat juga pengaruh negatif yang boleh terpalit kepada masyarakat sementelah mereka menonton rancangan-

rancangan yang mengandungi elemen-elemen yang kurang sesuai dengan budaya, keperibadian serta pegangan seseorang. Pelbagai jenis rancangan televisyen yang mampu meninggalkan kesan yang berbeza kepada penonton lantas membentuk konsep dan pemikiran yang berlainan bergantung kepada seseorang individu tersebut.

Seperti yang pernah dinyatakan sebelum ini, pengisian sesebuah rancangan televisyen mampu untuk mempengaruhi pemikiran penonton lebih-lebih lagi kanak-kanak yang belum mampu untuk berfikir secara waras dan matang. Tanpa kita sedari, tayangan aksi yang berpaksikan keganasan ini telah memberi kesan terhadap tingkah laku yang dipamerkan oleh sekumpulan kanak-kanak yang nyata terpengaruh dengan unsur-unsur negatif tersebut. Oleh itu, saringan terhadap kualiti penyiaran rancangan televisyen adalah amatlah penting agar kanak-kanak boleh mendapat manfaat daripadanya. Menurut Orestes (2002), keganasan yang ditayangkan melalui media merupakan salah satu punca utama yang akan mengancam keharmonian sesebuah keluarga.

Sebagai contoh, rancangan kartun '*Tom & Jerry*' yang memaparkan dua watak utama iaitu seekor kucing yang bernama '*Jerry*' dan seekor tikus yang diberi nama '*Tom*' yang sering bertelagah setiap kali berjumpa; tanpa mengira masa dan tempat. Mungkin bagi kanak-kanak, ianya hanya sekadar hiburan dan keseronokan semata-mata. Namun begitu, tanpa masyarakat sedari, rancangan animasi kartun sebegini mampu memberikan kesan yang negatif kepada perilaku kanak-kanak sekiranya dibiarkan menontonnya tanpa bimbingan daripada ibu bapa mahupun penjaga.

## 1.2 Penyataan Masalah

Jika dilihat masalah yang melanda masyarakat pada hari ini, kebanyakannya berpunca daripada isi kandungan negatif yang ditayangkan melalui kaca televisyen. Penayangan isi kandungan rancangan televisyen yang berunsurkan keganasan tanpa dikawal ini telah meninggalkan kesan serta impak yang sangat mendalam khususnya kepada kanak-kanak di dalam kehidupan mereka. Tayangan yang dipertontonkan kepada kanak-kanak pada masa kini adalah amat berbeza dengan apa yang pernah ditayangkan oleh stesen-stesen penyiaran kepada masyarakat beberapa dekad yang lalu. Perbezaan tersebut dapat dilihat bila mana aksi mahupun grafik yang memaparkan intimasi seksual dan keganasan kurang ditunjukkan kepada penonton pada masa dahulu. Namun, seperti yang dapat dilihat pada hari ini, aksi mahupun grafik yang berunsurkan intimasi seksual dan keganasan dapat dilihat hampir setiap masa di kaca televisyen. Oleh itu, beberapa penyelidik mendapati bahawa pendedahan yang kerap terhadap elemen-elemen sebegini mampu membuatkan kanak-kanak hilang sensitiviti terhadapnya dan membuatkan mereka bertindak ganas (Block, 2010).

Tambah Block lagi, penonton mampu mempelajari dan mengaitkan diri mereka dengan sesuatu karakter, seperti baik atau jahat. Semakin menarik karakter tersebut di mata kanak-kanak itu, semakin mudah untuk kanak-kanak dipengaruhi. Lantas itu, ia mampu memberikan kesan seperti mengurangkan keupayaan kanak-kanak untuk menahan diri mereka dari bertindak secara impulsif. Selain itu, penonton akan turut memilih untuk hanya menjadi pemerhati apabila berlakunya sesuatu situasi yang memudaratkan. Tayangan media berunsurkan elemen negatif ini juga mampu melahirkan ketakutan yang mana ia akan menyebabkan seseorang itu mengelak dari melalui sesebuah kawasan mahupun individu yang disyaki mampu menyakiti penonton. Ini boleh menyebabkan mereka mengalami masalah tekanan perasaan, depresi dan kebimbangan melampau.

Timbang tara atau kawalan adalah perlu sekiranya ibu bapa dan penjaga ingin mengawal dan menepis kesan negatif isi kandungan rancangan televisyen yang akan memberikan kesan tidak baik terhadap kanak-kanak. Terdapat dua cara untuk menimbang tara iaitu mengehadkan (*restrictive*) dan menimbang tara secara aktif (*active mediation*). Kaedah mengehadkan (*restrictive*) seperti yang dijelaskan oleh Fikkens, Piotrowski, & Valkenburg (2017) adalah apabila ibu bapa dan penjaga akan menetapkan peraturan dengan menetapkan jumlah masa yang boleh diluangkan di hadapan teknologi yang menayangkan media serta mengawal dan meneliti isi kandungan sesebuah rancangan yang disiarkan.

Manakala kaedah menimbang tara secara aktif (*active mediation*) pula di adaptasikan apabila ibu bapa dan penjaga akan berbincang bersama-sama anak-anak mereka akan keupayaan untuk menerima dan memahami realiti keganasan di dalam media dalam membantu membuatkan kanak-kanak lebih memahami situasi berkaitan media pada masa kini dan menjadikan kanak-kanak lebih kritikal dalam mengenal pasti kesesuaian isi kandungan sesebuah rancangan itu dengan tahap umur mereka

Menurut satu laporan oleh Australian Council on Children and the Media for the Australian Research Alliance for Children and Youth (2011) berkaitan televisyen dan kanak-kanak, ibu bapa dan penjaga seharusnya perlu tahu akan keperluan perkembangan kanak-kanak. Ini termasuklah mengenalpasti isi kandungan rancangan yang dipaparkan di kaca televisyen agar ia tidak mengganggu perkembangan anak-anak mereka. Selain itu, ibu bapa dan penjaga memainkan peranan dalam menentukan baik atau buruk isi kandungan sesuatu rancangan itu berdasarkan pegangan yang dipegang oleh para ibu bapa. Ibu bapa dan penjaga juga hendaklah memahami impak psikologikal yang mampu terserlah melalui media massa pada hari ini. Oleh itu, adalah amat penting bagi setiap ibu bapa untuk sedar akan kepelbagaiannya isi kandungan rancangan televisyen yang dipertontonkan kepada kanak-kanak.

Menurut Azmie (2008), sikap sambil lewa dan keterbukaan dalam mengawal unsur keganasan sesuatu rancangan televisyen yang ditonton telah menjadi salah satu punca utama kepada perilaku berunsurkan keganasan dan jenayah yang semakin meningkat dikalangan masyarakat pada hari ini termasuklah kanak-kanak.

Menurut Miron yang memetik dari karya Downing (2004) menyatakan bahawa televisyen adalah media massa yang memiliki suatu daya tarikan dan kebolehcapaian yang begitu unik. Isi kandungan rancangan televisyen yang berunsurkan keganasan mampu mempengaruhi masyarakat tanpa mengira lapisan masyarakat yang terdiri daripada golongan kanak-kanak sehingga golongan warga emas. Selain itu juga, terdapat segelintir kanak-kanak yang sudah tahu bagaimana untuk menipu dan mengejek kawan-kawan mereka serta meniru aksi-aksi yang yang ditayangkan melalui rancangan yang dipaparkan di kaca televisyen. Menurut Atkin (seperti yang dipetik oleh Liebert, 2011), kanak-kanak pada masa kini meluangkan masa yang panjang untuk menonton televisyen berbanding masa yang diperuntukkan untuk rehat atau tidur. Ini bermakna, semakin kerap seseorang kanak-kanak itu menonton rancangan televisyen yang berunsurkan unsur negatif dan menjurus ke arah keburukan, akan semakin mudahlah kanak-kanak itu untuk menerima dan menyerap perlakuan negatif yang dipaparkan di kaca televisyen.

Hubung kait antara kesan menonton isi kandungan rancangan televisyen yang mengandungi unsur negatif dengan tingkah laku keganasan kanak-kanak juga boleh dilihat dari pelbagai aspek. Menurut Anderson (2002), *General Aggression Model (GAM)* menunjukkan bahawa kekerapan pendedahan rancangan televisyen yang memaparkan unsur keganasan mampu untuk mendorong dan menggalakkan cara berfikir serta tingkah laku yang ganas oleh kanak-kanak. Hasilnya, kanak-kanak yang masih belum tahu untuk menilai baik buruk sesuatu rancangan yang ditayangkan ini akan meniru bulat-bulat apa-apa aksi yang telah mereka tonton.

Selain itu juga, masyarakat dan kanak-kanak yang selalu didedahkan dengan rancangan televisyen yang mempunyai unsur negatif dan keganasan dalam kehidupan seharian mereka mempunyai pendekatan yang berbeza dalam membawa diri mereka di samping masyarakat berbanding dengan kanak-kanak yang terpelihara perilakunya bila mana mereka tidak didedahkan atau terdedah dengan media yang mengandungi unsur-unsur kurang disenangi ramai ini. Ini dapat dilihat sekiranya situasi ini diperhati dan dikaji secara mendalam (*Congressional Public Health Summit, 2000*).

Menurut Azizi Yahaya (2005), adegan-adegan ganas dan tidak bermoral yang ditayangkan melalui televisyen mahupun filem ini nyata menyumbang kepada peningkatan kadar jenayah serta kemerosotan dan kerosakan akhlak masyarakat terutamanya kanak-kanak sementelah mereka dipertontonkan

karya sedemikian rupa. Justeru itu, rancangan-rancangan animasi yang mengandungi adegan berunsur keganasan adalah tidak sesuai untuk digunakan sebagai hiburan kepada kanak-kanak kerana ia mampu mampu mengganggu perkembangan cara hidup dan tingkah laku kanak-kanak. Seharusnya, elemen-elemen negatif ini perlu sentiasa dipantau dan tidak dipertontonkan kepada anak-anak ini supaya mereka tidak mempraktikkannya di dunia realiti.

### **1.3 Persoalan Kajian**

Justeru itu, persoalan-persoalan yang boleh ditimbulkan berdasarkan senario yang dinyatakan ialah:

1. Apakah hubungan kesedaran ibu bapa / penjaga terhadap isi kandungan rancangan televisyen yang ditonton oleh kanak-kanak?
2. Apakah faktor pembentukan tingkah laku keganasan kanak-kanak?
3. Apakah kesan pembentukan tingkah laku keganasan kanak-kanak?
4. Apakah hubungkait di antara hubungan kesedaran ibu bapa / penjaga terhadap isi kandungan rancangan televisyen yang ditonton oleh kanak-kanak dengan faktor pembentukan tingkah laku keganasan kanak-kanak?
5. Apakah hubungkait faktor pembentukan tingkah laku keganasan kanak-kanak dengan kesan pembentukan tingkah laku keganasan kanak-kanak?

### **1.4 Objektif Kajian**

#### **1.4.1 Objektif Umum**

Objektif umum penyelidikan ini adalah untuk mengkaji hubungan kesedaran ibu bapa dan penjaga terhadap rancangan televisyen yang disiarkan dan kesannya ke atas pembentukan tingkah laku keganasan kanak-kanak.

#### **1.4.2 Objektif Khusus**

1. Untuk menganalisis hubungan kesedaran ibu bapa / penjaga terhadap isi kandungan rancangan televisyen yang ditonton oleh kanak-kanak.
2. Untuk mengenalpasti faktor pembentukan tingkah laku keganasan kanak-kanak.
3. Untuk mengkaji kesan pembentukan tingkah laku keganasan kanak-kanak.
4. Untuk melihat hubungkait di antara hubungan kesedaran ibu bapa / penjaga terhadap isi kandungan dalam rancangan televisyen yang

- ditonton oleh kanak-kanak dengan faktor pembentukan tingkah laku keganasan kanak-kanak.
5. Untuk mengetahui hubungkait faktor pembentukan minda kanak-kanak dengan kesan pembentukan tingkah laku keganasan kanak-kanak?

## 1.5 Kepentingan Kajian

Penyelidikan ini diharap dapat memberikan gambaran bahawa betapa penting dan seriusnya kesan pengaruh rancangan televisyen kepada kanak-kanak. Selain itu juga, diharapkan agar hasil penyelidikan ini mampu menyumbang kepada pemegang dasar & polisi, ibu bapa dan penjaga termasuk ahli masyarakat serta sumbangan kepada ilmu.

**Sumbangan Kepada Pemegang Dasar & Polisi** - Penyelidik juga berharap agar hasil dapatan penyelidikan ini mampu memberikan gambaran dan garis panduan kepada pemegang dasar dan polisi bagi mengawal pengamal media khususnya pengamal bidang penyiaran agar dapat menghasilkan rancangan televisyen yang lebih berkualiti dan memenuhi norma-norma kehidupan budaya. Ini adalah kerana kesan pengaruh rancangan televisyen adalah sangat kuat dan mudah untuk mempengaruhi pembentukan tingkah laku keganasan kanak-kanak. Sebagai contoh, kanak-kanak boleh terpengaruh melalui gambaran cara hidup dan cara berkomunikasi yang dipaparkan oleh rancangan televisyen terbabit. Selain itu, ia juga boleh turut memberi kesan terhadap proses pembelajaran kanak-kanak sebelum mereka menonton rancangan tersebut. Ini dapat dibuktikan melalui cara pemakaian mereka yang mana kanak-kanak akan meniru gaya fesyen adiwira dan watak kegemaran mereka seperti *Ultraman*, *Barbie* dan beberapa watak yang lain.

**Sumbangan kepada Ibu Bapa / Penjaga dan Ahli Masyarakat** - Penyelidikan ini penting kepada ibu bapa dan penjaga kerana melalui hasil dapatan penyelidikan ini, ia mampu memberi gambaran faktor-faktor yang boleh mempengaruhi pembentukan tingkah laku keganasan kanak-kanak melalui tontonan rancangan televisyen yang ditayangkan. Adalah diharapkan bahawa melalui hasil dapatan penyelidikan ini, ibu bapa dan penjaga seharusnya serta dapat memberikan sepenuh perhatian dan memantau jenis-jenis rancangan yang ditayangkan di kaca televisyen agar dapat membimbing kanak-kanak dari terjerumus ke arah yang negatif.

Hasil dapatan penyelidikan ini juga amat penting kepada ahli masyarakat yang lain kerana ia akan dapat memberi kesedaran tentang betapa seriusnya pengaruh rancangan televisyen kepada pembentukan tingkah laku keganasan kanak-kanak. Kanak-kanak adalah pewaris kepada tumpuk kepimpinan negara pada masa hadapan. Selaras dengan itu, untuk

melahirkan masyarakat yang cemerlang, ia seharusnya bermula sejak dari kecil lagi. Sebagai ahli dalam masyarakat, kita seharusnya saling ingat-mengingati akan pentingnya pengawasan dan tapisan rancangan televisyen yang boleh dipertontonkan kepada kanak-kanak. Ini adalah supaya kanak-kanak tidak akan menjadi lebih mudah terpengaruh dengan unsur-unsur negatif yang dipaparkan di kaca televisyen.

**Sumbangan Kepada Ilmu** – Berdasarkan sorotan literatur yang dijalankan, kebanyakan penyelidikan yang berkaitan dengan keganasan media dalam mempengaruhi pembentukan tingkah laku penonton. Kebanyakkan penyelidik hanya menjurus kepada remaja yang berumur 12 tahun dan ke atas. Walaupun ada juga penyelidik yang menjalankan kajian media dan keganasan terhadap kanak-kanak ia tidaklah sebanyak kajian yang dibuat ke atas remaja, ini mungkin di sebabkan kesukaran untuk mencari responden.

Oleh sebab itu, hasil penyelidikan ini diharapkan mampu untuk membantu penyelidik-penyelidik pada masa hadapan bagi memberi gambaran tentang tajuk penyelidikan yang bakal dijalankan kelak. Selain dari itu, kekurangan penyelidikan berkaitan media, keganasan, pembentukan tingkah laku dan kanak-kanak dalam bahasa melayu amat kurang dijalankan di negara ini berbanding bahasa inggeris dan penyelidikan dari luar negara.

### **1.6 Skop Kajian**

Penyelidikan ini akan memberi fokus kepada hubungan kesedaran ibu bapa dan penjaga terhadap isi kandungan rancangan televisyen dan kesannya ke atas pembentukan tingkah laku keganasan kanak-kanak. Antara yang akan dikaji adalah hubungan kesedaran ibu bapa dan penjaga terhadap isi kandungan dan elemen yang terkandung dalam rancangan televisyen kanak-kanak yang ditonton. Selain itu juga, apakah faktor pembentukan tingkah laku keganasan terhadap kanak-kanak melalui isi kandungan rancangan televisyen turut akan dikaji. Perubahan sikap (kesan) keganasan kanak-kanak yang ditunjukkan selepas menonton sesuatu rancangan televisyen.

Antara pemboleh ubah-pemboleh ubah lain yang mungkin terlibat dalam penyelidikan ini adalah faktor demografi, ciri-ciri tingkah laku keganasan yang dipengaruhi oleh isi kandungan rancangan televisyen serta perbezaan tingkah laku keganasan dan tidak ganas.

### **1.7 Limitasi Kajian**

Penyelidikan berkaitan dengan hubungan kesedaran ibu bapa dan penjaga terhadap isi kandungan rancangan televisyen dan kesannya ke atas

pembentukan tingkah laku keganasan kanak-kanak ini dijalankan secara tinjauan (survei) dengan menggunakan borang soal selidik ke atas sampel ibu bapa dan penjaga yang dipilih. Menurut Babbie (2001), penggunaan kaedah tinjauan adalah satu cara pengumpulan data yang dianggap terbaik dalam sesuatu kajian sains sosial kerana kaedah ini berupaya memberikan penjelasan dan statistik yang tepat untuk mewakili satu populasi yang besar.

Borang soal selidik yang diberikan kepada sampel ibu bapa dan penjaga ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang persepsi dan tanggapan ibu bapa dan penjaga akan kesedaran mereka terhadap isi kandungan rancangan televisyen yang ditonton oleh anak-anak mereka. Selain itu juga, penyelidik turut mengkaji respon daripada para ibu bapa dan penjaga yang terpilih berkaitan faktor yang membentuk perilaku keganasan yang ditunjukkan oleh kanak-kanak selepas mereka menonton suatu rancangan televisyen serta kesan yang dapat dilihat terhadap responden yang terdiri daripada ibu bapa dan penjaga yang memiliki kanak-kanak berumur diantara lima hingga 12 tahun memandangkan pada usia sebegini mereka masih lagi tidak mampu untuk berfikir secara matang tanpa pengawasan dari mereka yang lebih dewasa.

Penyelidik juga akan menjalankan penyelidikan ini dengan memberi tumpuan kepada ibu bapa dan penjaga yang bekerja di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Putrajaya dan Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kuala Lumpur. Jumlah responden yang dipilih adalah seramai 300 orang. Responden tidak dihadkan kepada usia, jantina, bangsa, agama maupun kedudukan. Penyelidikan ini juga tidak terhad kepada satu rancangan televisyen sahaja kerana ia turut meliputi semua rancangan televisyen yang ditonton oleh kanak-kanak di bawah para jagaan responden.

Pemilihan responden yang terdiri daripada ibu bapa dan penjaga yang bekerja di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Putrajaya dan Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kuala Lumpur kerana kanak-kanak adalah merupakan salah satu kumpulan sasar yang diletakkan di bawah kementerian ini. Kementerian ini juga merupakan kementerian yang banyak memberi pendedahan seperti kursus keibubapaan dan keluarga kepada kakitangan. Ini secara tidak langsung membantu penyelidik untuk menerangkan kepada responden tentang objektif yang cuba dicapai melalui objektif penyelidikan ini.

## 1.8 Definisi Takrifan

Bahagian ini akan memberikan penerangan berkaitan beberapa istilah atau perkataan yang kerap digunakan di dalam penulisan penyelidikan ini. Penerangan ini bertujuan supaya pembaca akan dapat lebih memahami tentang apa yang cuba disampaikan oleh penyelidik.

### **1.8.1 Keganasan & Rancangan Televisyen Keganasan**

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), terma ‘keganasan’ membawa maksud liar dan suka menyerang, membunuh, mengamuk dan sebagainya. Terma ini turut lebih ke arah merosakkan harta benda atau mencederakan seseorang.

Manakala Kamus Inggeris-Melayu Dewan (2002) mendefinisikan terma ‘*violence*’ atau ‘keganasan’ sebagai suatu perbuatan ganas secara fizikal yang akan menyebabkan kecederaan anggota badan atau harta atau akan menjelaskan hak kebebasan individu secara paksa. Ini termasuk perkara yang menyentuh emosi bila mana ia dibangkitkan melalui sebarang perbuatan mahupun kata-kata yang dilemparkan. Selain itu, keganasan yang dimaksudkan juga boleh ditafsirkan dalam bentuk hak dan kata-kata.

Pelbagai definisi diberikan kepada maksud “Rancangan Televisyen Keganasan”. Kebanyakkannya pengamal media dan ahli psikologi mendefinisikan rancangan keganasan sebagai sebuah rancangan yang menayangkan corak tingkah laku yang bertujuan membinasakan dan mencederakan orang lain, objek-objek tertentu atau diri sendiri (Rosly,

### **1.8.2 Pengaruh Televisyen**

Terma ‘pengaruh televisyen’ boleh didefinisikan sebagai salah satu cara di mana kanak-kanak berupaya untuk menjadi agresif atau ganas melalui tontonan rancangan yang dipaparkan di kaca televisyen (Carlsson & von Feilitzen, 1998; Huston & Wright, 1998; Parke & Slaby, 1983).

Manakala menurut Marican dan Mohammad (1995), pengaruh media massa nyata menjurus kepada masalah gejala sosial masyarakat. Media massa yang dimaksudkan adalah surat khabar, majalah, radio, televisyen dan tayangan video. Kesemua medium media massa ini amat digemari oleh pelbagai lapisan masyarakat terutamanya anak-anak muda.

### **1.8.3 Pembentukan Tingkah Laku**

Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) mendefinisikan ‘pembentukan tingkah laku’ sebagai pembawakan diri, perangai, tabiat yang biasa dilakukan, perbuatan, gaya atau cara atau keadaan. Pada kebiasaan juga, kanak-kanak merupakan individu yang sangat mudah untuk dipengaruhi perlakuan terutamanya melalui program-program yang ditayangkan di kaca televisyen, tidak kira perjalanan cerita atau isi kandungannya, konsep mahupun pergerakan yang dipamerkan. Menurut Perloff (1997), apabila kanak-kanak sering menghabiskan masa dengan menonton rancangan

televisyen, kanak-kanak tersebut akan mudah terikut-ikut dengan apa yang dipaparkan dan ini secara tidak langsung telah menjadikan media (rancangan televisyen) sebagai guru kepada kanak-kanak.

#### **1.8.4 Kanak-Kanak**

Menurut Kamus Dewan, ‘kanak-kanak’ adalah budak perempuan atau lelaki yang masih kecil (biasanya yang belum berumur lebih dari tujuh atau lapan tahun). Manakala Ahmad (2006) menyatakan di dalam bukunya yang bertajuk *‘Psikologi Kanak-Kanak’*, usia kanak-kanak adalah di antara umur dua tahun hingga mencapai akil baligh.

Selain itu, Eng (yang memetik daripada *Akta Kanak-Kanak 2001, 2007*) menyatakan bahawa terma ‘kanak-kanak’ didefinisikan sebagai mereka yang berumur 18 tahun dan ke bawah. Menurut Jaafar (2008) di dalam bukunya yang bertajuk *‘Pengenalan Kepada Psikologi Kanak-Kanak dan Remaja’*, umur kanak-kanak terbahagi kepada dua peringkat. Peringkat pertama adalah awal kanak-kanak yang bermula dari usia tiga hingga lima tahun. Manakala peringkat kedua merupakan peringkat yang dikenali sebagai peringkat pertengahan kanak-kanak yang bermula dari usia enam hingga sebelas tahun (sebelum akil baligh).

#### **1.9 Rumusan Bab**

Penyelidik telah membincangkan dengan jelas berkaitan dengan latar belakang penyelidikan, objektif penyelidikan, persoalan penyelidikan, kepentingan penyelidikan, skop penyelidikan, limitasi penyelidikan dan takrifan penyelidikan. Di dalam bab yang seterusnya, penyelidik akan menerangkan serta mengupas tentang sorotan literatur, teori yang akan digunakan dalam penyelidikan, kerangka konseptual penyelidikan dan juga hipotesis penyelidikan. Dan diharapkan agar kupasan Bab 1 ini akan dapat memberi gambaran yang jelas berkenaan dengan penyelidikan yang dijalankan untuk bab-bab yang seterusnya.

## RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri dan Zarin Ismail. (2009). Hubungan antara pegangan nilai moral dengan media massa: Tinjauan ke atas masyarakat Melayu luar bandar. SARI: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu, 27. pp. 199-212. ISSN 0127-2721.
- Ahmad, M. S. (2006). *Psikologi Kanak-kanak*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing
- Ahmad Redzuwan Mohd Yunus. (2003). Gejala Sosial dalam Masyarakat Islam, Utusan Publications Sdn.Bhd.
- Alias Sulaiman (2004). *Gaya Asuhan Keluarga dan Pembentukan Personaliti Remaja*. UTM: Tesis Ijazah Sarjana Muda (Tidak diterbitkan).
- Anderson, C.A., & Bushman, B.J. (2002). Human aggression. Annual Review of Psychology, 53, 27-51
- Anderson, C.A. (2002). Violent video games and aggressive thoughts, feelings and behaviors. Dlm. Calvert, S., Jordan, A, Cocking, R. (eds.) Children in the Digital Age: Influences of Electronic Media on Development, Ch 6 (h. 101-120). Westport, Connecticut: Praeger.
- Ann D. Walsh, R. N. (1998). Mothers' Preferences for Regulating Children's Television. *Journal of Advertising*, 23-36.
- Anon. (2011). Konsep nilai murni dalam Falsafah Pendidikan Negara. Kertas Kerja kajian sistem pendidikan kebangsaan (MTT 2353). <http://sarjana.tripod.com/nilai3.html> (18 Ogos 2015)
- Asmawati Suhid. (2009). *Pendidikan Akhlak dan Adab Islam, Konsep dan Amalan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Atkin.J, R. A. (2011). "The Televiewing Audiens". New York: Peter Lang Publishing.
- Azizi Yahaya, Yusof Boon, Jamaludin Ramli, Jaafar Sidek Latif, Fawziah Yahya, Amir Hamzah Abdul (2004). "Psikologi Sosial". Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi Yahaya. (2005). *Membentuk Identiti Remaja*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn Bhd. Ab. Halim Tamuri & Zarin Ismail. (t.t). *Pengaruh Media Massa Terhadap Pegangan Nilai Akhlak Remaja: Kajian ke atas Fakir Miskin di Kawasan Luar Bandar*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Hamdan. (2006). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan: Teori, Analisis & Interpretasi Data*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Azmie.M.Z (2008). *Sopan Daripada Perspektif Pengurusan Organisasi*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Babbie, E. (2001). *The practice of Social Research*. USA: Warsworth Thomson Learning.
- Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (2014). *Statistik Kakitangan KPWKM*.
- Ball-Rokeach, S.J., & DeFleur, M.L (1976). A dependency model or mass-media effects. *Communication Research*, 3, 3-21
- Bandura, A. (1965). Influence of models' reinforcement contingencies on the acquisition of imitative responses. *Journal of Personality and Social Psychology*, 6, 589-595.
- Bandura, A. (1973). *Aggression: A social learnin analysis*. Englewood Cliffs: Prentice Hall.
- Bette L. Bottoms, M. B. (2002). Children, Social, Science, and The Law. New York: Cambridge University Press.
- Bianculli, D. (2002). *Teleliteracy:Taking Television Seriously*. New York: Syracuse University Press.
- Bryman, A. (2008). *Social research methods* (3<sup>rd</sup> ed.). Oxford: Oxford University Press
- Bryant, Jennings & Oliver, Mary Beth. (2009). *Media Effect; Advances in Theory and Research Third Edition*. NewYork & London: Routledge
- Bushman, B. J. & L. R. Heusmann. (2001). Effects of televised violence on aggression. Dlm. Singer, D., Singer, J. (eds.) *Handbook of Children and the Media*. Newbury Park, California: Sage.
- Cantor, J. & Sparks G.G. (1984). Children's Fear Responses to Mass Media: Testing some diagetion predictions. *Journal of Communication*, 34(2), 90-103.
- Carlsson, U., & von Feilitzen, C. (Eds.). (1998). Children and media violence. Goteborg, Sweden: The UNESCO International Clearinghouse on Children and Violence.

- Carlson, B.E. (2000). *Children exposed to intimate partner violence: Research findings and implications for intervention*. *Trauma, Violence and Abuse*, 1, 321-340.
- Carmona, M., Health, T., Oc, T. & Tiesdell, S. (2003). *Public Places Urban Spaces*. New York: Architectural Press.
- Casey, B., Casey, N., Calvert, B., French, L., Lewis, J. (2002). *Television Studies*. London: Routledge
- Caspi A, Moffitt TE (1995) Pp. 472-511 *Manual of developmental psychopathology* D Cicchetti and D Cohen, eds. New York: Wiley
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Asas Statistik Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Congressional Public Health Summit. (2000). *Joint statement on the impact of entertainment violence on children*. Retrieved September 17, 2016, from [www.aap.org/advocacy/release/jstmtevc.htm](http://www.aap.org/advocacy/release/jstmtevc.htm)
- Cook,B.G,& Cook, L.(2008). Nonexperimental quantitative research and its role in guiding instruction. *Intervention in school and clinic*.44(2):98-104
- Cooper, D. R. (2008). *Business Research Methods*. New York: McGraw Hill.
- Creswell, J.W. (1998). *Qualitative Inquiry and Research Design*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Downing. D.H., J. (2004). *The Sage Handbook of Media Studies*. California: Sage Publications.
- Eng, A.J. (2007). *Pengurusan Disiplin Murid*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing
- Fadzilah Kamsah, Muhamad Zakaria dan Husna Hassan. (2007). *Petua Mendidik Anak Menjadi Insan Positif*. Kuala Lumpur: Telaga Biru.
- Fisch, S. (2004). *Children's Learning from Educational Television: Sesame Street and Beyond*. Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum.
- Fuziah Kartini Hassan Basri, Asiah Sarji & Arfah Yusof. (2004). Era digital: Cabaran baru kepada karyawan serta pendidik penyiaran dan perfileman di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*. (20). 1-15.

- Gaertner, A. E & Jamie L. Rathert, (2010). *Sources Of Parental Knowledge as Moderators Of The Relation Between Parental Psychological Control and Relational and Physical / verbal Aggression*, Journal of Verbal Aggression, Vol. 10 : 607-616.
- Gerbner, G. & Gross, L. (1976). Living with television: The violence profile. *Journal of Communication*, 26, 172-199
- Ghafani bin Awang. (2007). *Kenakalan Remaja dari Perspektif Islam*. Retrieved on 8 Aug 2015, from <http://halaqah.net/v10/index.php>
- Goonasekera, A. (1998) "The emerging media ecology in Asia" , Nordicom Review, 19(2), pp. 87-104
- Hamidah Binti Hamdan (2013), Master Tesis. Pengaruh Televisyen Terhadap Tingkah Laku Keganasan Murid-Murid Sekolah. Universiti Teknologi Malaysia.
- Haryatmoko. (2007). *Etika Komunikasi*. Jakarta: Kanisius.
- Ireson, J. (2008). Exploring connections between individual and culture at home at school. In Ireson, J. (ed). *Learners, Learning, and Educational Activity*. New York: Routledge
- Jaafar, J. L. (2008). *Pengenalan Kepada Psikologi kanak-kanak dan remaja*. Shah Alam, Arah Pendidikan Sdn. Bhd.
- J.A. Simson, et.al. (1989), *The Oxford English Dictionary*. Oxford: Clarendon Press, h. 654-655
- John P. Robinson & Dennis K. Davis. (1990). Television news and the informed public an information-processing approach. *Journal of Communication*, 41, 106-107.
- Johnson, J. G., P. Cohen, E. Smailes, S. Kasen, & J. S. Brook. (2002). Television viewing and aggressive behavior during adolescence and adulthood. *Science*. 295: 2468-2471.
- Johnson, R. E., Bickham, D. S., Wright, J. C., & Huston, A. C. (2002). Attention, comprehension and the educational of television. Dalam D.G. John & J.L. Singers (Eds.). *Handbook of children and the media*. Thousand Oaks, CA: Sage Publication.
- Juliana Abdul Wahab. (2006). "Sejarah perkembangan televisyen di Malaysia: Satu perspektif sejarah". *Dinamika media dan masyarakat* (pp.163-191), Universiti Sains Malaysia: Penang.

- Kalbfleisch, P.J (2005). *Communication Yearbook 2009*. Mahwah: Lawrence Erlbaum Associates, Inc.
- Kamus Dewan (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Inggeris-Melayu Dewan (2002). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khalid Johari. (2003). *Penyelidikan Dalam Pendidikan: Konsep dan Prosedur*. Petaling Jaya: Pearson Prentice Hall.
- Krejcie. R.V & D.W Morgan. (1970). Determining the samplesize for research Activities, *Educational and Psychological measurement*, 30(3), 607-610.
- Lemish, D. (2007). *Children and Television: A global Perspective*. Singapore: Blackwell Publishing.
- Mahyuddin, S. (2009). Memahami ilmu perkembangan dan pertumbuhan kanak-kanak bagi pendidikan berkesan. Dlm. *Jurnal Pendidikan Islam*. Jil, 13. Bil. 2. Julai 2009.
- Marican, S. & Mahmood Nazar Mohamed. (1995). "Pencemaran budaya remaja: siapakah yang bertanggungjawab". *Jurnal Kebajukan*. 17. (1).
- Mazidah Muhammad & Norhisham Md. Nawi, (2011). Indahnya Didikan Awal Anak Secara Islam, PTS Millennia Sdn. Bhd.
- Mitchell, B. (1989). The Family Environment and Leaving The Parental Home. *Journal of Marriage and Family* 51: 605-613
- Mohd Dahlan A. M., dan Ida Shafinaz, M. K. (2010) Jenayah dan masalah sosial di kalangan remaja: cabaran dan realiti dunia siber. Dalam: *Program Jenayah Cyber dan Isu Pemerdagangan manusia di Malaysia*, 26 Aug 2010, Resital Hall, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu. 1-8.
- Mohd Yahya Mohamed Ariffin. (2012) Perhubungan Media di Malaysia (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, )
- Mohd. Majid Konting. (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan, Cetakan Ketujuh*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (2003). *Rekabentuk Tinjauan: Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia.

- Murray, J.P. (1995). Children and television violence. *Journal of Law & Public Policy*, vol 4, no. 3.
- Musa Abu Hassan. (2002) *Peranan dan penggunaan ICT di kalangan masyarakat*. Serdang : Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Musser, L. M. & Diamond, K. E . (1999). *The Children's Attitudes Toward the Environment Scale for Preschool Children*. The Journal of Environmental Education. 30(2): 23–30.
- Noorzihan Mohamed Yin. (2004). *Kenakalan Kanak-Kanak Remaja dari Perspektif Islam dan Barat*. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 26.06.2004.Retrieved on 10 Sept 2016, from <http://www.yadim.com.my>
- Norkhairani Abdul Rawi.(2004). Pembangunan perisian kursus multimedia dan media untuk belajar membaca: satu pendekatan hibrid (HALR). Tesis Sarjana, FakultiTeknologi dan Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurul Izzah Sidek, (2007). Menghukum dengan rotan. Portal Pendidikan Utusan, 26.07.2007. Retrieved on 5 Sept 2015, from <http://www.tutor.com.my>
- Orestes, P.M. (2002). *Song to Avoid After the Tragedy*. London: Sage Publication
- Pearce, Elliot, (2002). *Verbal agression*.
- Perloff, R. (1997). Mass media effects. United States: University of Virginia
- Roberts, D. F., U. G. Foehr, & V. J. Rideout. (2005). *Generation M: Media in the Lives of 8-18-yearolds*. Menlo Park, CA: Kaiser Family Foundation.
- Robson, C. (2011). *Real world research: A resource for social-scientists and practitioner-researchers (3<sup>rd</sup> edition)*. Oxford: Blackwell Publishing.
- Rose, C. (2001). Broadcast communication. New York: Henry Holt & Co
- Schacter, D. M., & Russel H. L. (2000). Mediation: The role of significant others.*Journal of Communication*, 30, 106-118.
- Sekaran, U., and Bougie, R. (2010). *Research Methods for Business: A Skill Building Approach, 5<sup>th</sup> edition*, John Wiley & Sons Ltd., United Kingdom.
- Sekaran, U. (2003). *Research Methods for Business: A Skill-Building Approach (4<sup>th</sup> edition)*. New York: John Wiley and Sons, Inc.

Sri Andayani Dewi. (1997). Pengaruh Program Televisi Indonesia Terhadap Pemirsa; Siapa yang Bertanggungjawab? *Jurnal Studi Indonesia*, 14, 73 – 89.

*Statistical Package For Social Science (SPSS)* versi 22.0

Sugiyono. (2012). Memahami Penelitian Kualitatif. Bandung: Alfabeta.

Sulaiman,S. (2005). *Panduan Menjadi Ibu Bapa Cemerlang*. Singapura: PTS Litera Utama.

Sullivan, E. O. (2007). Pembelajaran Transformatif: Wawasan Pendidikan Abad Ke-21. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.

Surbakti.M.A (2008). Awas Tayangan Televisi: *Tayangan Misteri dan kekerasan Mengancam Anak anda*. Jakarta: Elex Media Komputindo.

Syukur, K. (2002). Pola Penontonan Televisyen dan Pengaruhnya Terhadap Pengamalan Sholat dan Aktiviti Membaca Al-Quran Kanak-Kanak Nelayan: Tinjauan di Kecamatan Medan Labuhan, Indonesia. *Jurnal Komunikasi*. Jilid 18, 2002: 105-119

Teijlingen, E. R.V. & Hundley, V. (2001). The importance of pilot studies. *Social Research Updates*, Department of Sociology: University of Surrey.

Vasan, A. (2010). Films and TV: Viewing patterns and influence on behaviours of college students. Health and Population Innovation Fellowship Programme Working Paper, 13. New Delhi: Population Council.

Wan Anita, W. A. & Azizah, H. (2013). Media dalam Kehidupan dan Perkembangan Kanak-Kanak. Jilid. 15, Bil. 2, 2013: 27–39

Wan Norhasniah Wan Husin. (2012). *Peradaban dan perkauman di Malaysia: etnik-etnik Melayu dan Cina*. Kuala Lumpur: Penerbitan UM baharu

Wan Norina W. H., Zaharah,H.,Ahmad,F.,Mohamed , Y., & Ahmad Arifin,S. (2013). *Pengaruh Media Massa Terhadap Penampilan Masyarakat Islam Politeknik Malaysia*. The Online Journal of Islamic Education. Januari 2013, Vol. 1 , Issue 1.

Yeong. (1999). Borang Soal Selidik-HBP dipetik daripada <http://www.hbp.usm.my/PlanningStudio206/GrpThree/DataPrimer/Survey/q.htm>

Zaleha Binti Yaacob, (2010) Master Tesis.Pengaruh Keganasan Dalam Media Terhadap Tingkah Laku Agresif Remaja. Universiti Teknologi Malaysia.



## BIODATA PELAJAR

Nor Hafis Bin Haji Zakaria dilahirkan pada tanggal 08 Julai 1985 di Hospital Besar Kuala Lumpur. Anak bongsu dari 10 orang adik beradik ini mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan Methodist Boys School, Sentul Kuala Lumpur dan Sekolah Kebangsaan Sungai Besi. Selepas itu penyelidik menyambung pengajian sekolah menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Besi dan Sekolah Menengah Kebangsaan Senawang di Negeri Sembilan. Anak kepada Tuan Haji Zakaria Bin Rashid dan Puan Hajah Hazizah Binti Mohd Noor ini telah menamatkan pengajian Diploma Perhutanan (Rekreasi) (UPM) pada tahun 2006 dan Ijazah Komunikasi (Penyiaran) (UPM) pada tahun 2009. Minat yang mendalam terhadap bidang komunikasi dan penyiaran berjaya membawa hasil apabila penyelidik berjaya menamatkan Ijazah Sarjana (Masters Sains) Teknologi Komunikasi (UPM) pada tahun 2017. Kini penyelidik yang merupakan suami kepada Puan Fauziah Binti Azmi dan bapa kepada Thalia Zach, Thara Zach dan Taj Zach dalam usaha untuk memulakan langkah bergelar pelajar Doktor Falsafah dan ingin menjadikan bidang pendidikan komunikasi sebagai karier dalam kehidupan.



## UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

### PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA

SESI AKADEMIK : \_\_\_\_\_

#### TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :

HUBUNGAN KESEDARAN IBU BAPA TERHADAP KANDUNGAN RANCANGAN TELEVISYEN DAN KESANNYA KEPADA PEMBENTUKAN TINGKAH LAKU KEGANASAN KANAK-KANAK

**NAMA PELAJAR :** NOR HAFIS BIN ZAKARIA

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

\*sila tandakan (v )

**SULIT**

(mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

**TERHAD**

(mengandungi maklumat yang dihadkan edaran kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah dijalankan)

**AKSES TERBUKA**

Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.

Tesis ini akan dibuat permohonan :

**PATEN**

Embargo \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_  
(tarikh) (tarikh)

**Pengesahan oleh:**

(Tandatangan Pelajar)

No Kad Pengenalan / No Pasport.:

(Tandatangan Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan)

Nama:

Tarikh :

Tarikh :

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini SULIT atau TERHAD, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]